KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

KERATAN SURAT KHABAR

SURAT KHABAR	:	KOSMO			
TARIKH	:	07.02.22	MUKA SURAT	:	14
JABATAN	:	JPSM			

Kosmo 7.2.2022_14

Lokasi itu bukan berstatus Hutan Simpanan Kekal

Hanya dua tanah di Selangor dijual online

Oleh MOHAMAD NAUFAL MOHAMAD IDRIS

SHAH ALAM – Tiada mana-mana Hutan Simpanan Kekal (HSK) di Selangor yang dijual secara dalam talian seperti didakwa oleh beberapa pertubuhan bukan kerajaan (NGO) berkaitan alam sekitar.

Pengarah Jabatan Perhutanan Negeri Selangor (JPNS), Datuk Ahmad Fadzil Abdul Majid berkata, dakwaan NGO terbabit dilakukan berdasarkan kajian survey yang dijalankan oleh badan bebas yang dikenali sebagai Rimba Disclosure Project (RDP).


Menurutnya, kajian tersebut telah mengenal pasti seluas 43,539 hektar tanah di dalam hutan simpanan kekal di sekitar negeri Perak, Selangor, Pahang, Terengganu dan Kelantan cuba dijual secara komersial melalui beberapa laman web termasuk laman sosial Facebook pada tahun 2021.

Daripada keluasan itu, seluas 264 hektar tanah melibatkan negeri ini.

"Berdasarkan semakan JPNS, lokasi yang dimaksudkan untuk penjualan tersebut adalah bukan berstatus HSK yang diwartakan di bawah Enakmen (Pemakaian) Akta Perhutanan Negeri Selangor 1985.

"Terdapat dua lokasi di Selangor yang didakwa telah diiklankan melalui laman web untuk dijual iaitu di Pulau Indah (Pulau Lumut) seluas 192 hektar dan Puncak Alam seluas 72 hektar.

"JPNS ingin memaklumkan bahawa keluasan kawasan HSK di Selangor telah berjaya ditingkatkan kepada 250,250.29 hektar pada tahun lalu," katanya dalam satu kenyataan semalam.



DUA lokasi di Selangor yang didakwa telah diiklankan melalui laman web untuk dijual iaitu di Pulau Indah dan Puncak Alam.

Kata beliau, peningkatan keluasan kawasan HSK di negeri ini adalah hasil komitmen tinggi dan berterusan kerajaan negeri melalui beberapa inisiatif yang telah dilaksanakan sejak tahun 2010.

Antaranya ialah menguatkuasakan Dasar Moratorium (Pembekuan) ke atas Pembalakan dalam HSK selama 25 tahun dan meminda Enakmen (Pemakaian) Akta Perhutanan Negeri Selangor 1985 pada tahun 2011 untuk mengenakan syarat penyiasatan awam ke atas mana-mana penyahwartaan HSK.

"Selain itu, sebarang penyahwartaan HSK perlulah diganti dengan keluasan yang setara nilai atau lebih serta secara serentak.

"JPNS menyeru orang ramai supaya tidak mudah terpedaya dengan sebarang bentuk tawaran iklan penjualan tanah yang melibatkan kawasan HSK," tegasnya.